



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
ZON PERDAGANGAN
BEBAS**

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)	1
OPERASI AM INDUSTRI.....	1
Zon Perdagangan Bebas.....	1
IMPLIKASI CBP KE ATAS ZPB.....	2
BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DALAM ZPB.....	2
BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DI ANTARA ZPB	2
BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN KE ZPB.....	3
BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DARI ZPB	3
PENYIMPANAN REKOD.....	4
PEMUSNAHAN BAHAN MENTAH, KOMPONEN, HAMPAS DAN BARANG SIAP	5
MESIN-MESIN UNTUK DIPERBAIKI	5
SOALAN-SOALAN LAZIM.....	6
MAKLUMBALAS DAN KOMEN	10
MAKLUMAT LANJUT	10

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara yang berkaitan dengan Layanan CBP bagi Zon Perdagangan Bebas (ZPB).

Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rantai pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

OPERASI AM INDUSTRI

Zon Perdagangan Bebas

5. Zon Bebas merupakan satu kawasan yang diwartakan oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 3(1) Akta Zon Bebas, 1990 di mana aktiviti komersial dijalankan dengan kawalan kastam yang minimum. Pihak Berkuasa Zon adalah



dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 3(2), Akta Zon Bebas 1990 untuk mentadbir, menyelenggara dan mengendalikan zon berkenaan.

IMPLIKASI CBP KE ATAS ZPB

6. Di bawah Bahagian XV, Akta CBP 2014, ZPB adalah dikira sebagai satu kawasan di luar Kawasan Utama Kastam (KUK). Zon ini terletak di pelabuhan dan lapangan terbang dan juga di luar pelabuhan dan lapangan terbang. Zon perdagangan bebas yang terletak di luar pelabuhan/lapangan terbang adalah seperti di Stulang Laut, Johor Bahru, Bukit Kayu Hitam, Kedah, Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang, Kelantan. Aktiviti perdagangan seperti perniagaan (tidak termasuk perniagaan runcit), memecah pukat, menggred, pembungkusan semula, melabel dan lain-lain aktiviti nilai tambah adalah dibenarkan dilakukan di ZPB.

BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DALAM ZPB

7. Apa-apa pembekalan barang yang dibuat dalam ZPB tidak tertakluk kepada CBP melainkan Menteri menetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam Warta. Walau bagaimana pun, barang yang digunakan dalam zon selain daripada barang bagi tujuan komersial dan aktiviti jual beli tertakluk kepada CBP.

8. CBP dikenakan ke atas pembekalan perkhidmatan yang dibuat dalam ZPB tidak kira sama ada ZPB ini terletak dalam atau di luar pelabuhan/lapangan terbang. Secara amnya perkhidmatan adalah berkadar standard kecuali bagi sesetengah perkhidmatan yang dibekalkan dalam ZPB yang terletak di pelabuhan/lapangan terbang yang mana perkhidmatan itu disenaraikan dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 20XX. Pembekalan perkhidmatan sebegini adalah berkadar sifar.

BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DI ANTARA ZPB

9. Pembayaran CBP bagi apa-apa pembekalan barang di antara zon perdagangan bebas adalah digantung tidak kira sama ada zon itu terletak di luar atau di pelabuhan/lapangan terbang. Walau bagaimanapun, apa-apa pembekalan perkhidmatan yang dibuat di antara zon adalah berkadar standard.



BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN KE ZPB

10. Bagi maksud CBP, CBP bagi barang yang diimport ke suatu zon perdagangan bebas, sama ada zon itu terletak di luar atau di pelabuhan/ lapangan terbang, adalah tidak tertakluk kepada CBP dengan syarat barang itu adalah untuk aktiviti komersial atau jualan runcit.

11. CBP bagi pergerakan barang yang tertakluk kepada skim penggudangan ke zon ini adalah digantung. Ini bermakna pergerakan barang dari gudang berlesen, depot pelepasan pedalaman atau kedai bebas cukai ke zon ini adalah digantung. Layanan yang serupa terpakai bagi pergerakan barang dari kawasan ditetapkan ke zon ini.

12. Pembekalan perkhidmatan yang diimport ke zon ini adalah berkadar standard. CBP juga dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat dari kawasan utama kastam (KUK) kepada seseorang yang beroperasi di suatu zon perdagangan bebas.

13. Apabila barang diangkut dari KUK ke ZPB untuk pengeksportan ke luar negara, pengisytiharan barang mestilah dibuat dengan menggunakan borang Kastam No.2 di pintu keluar di KUK. CBP bagi pembekalan sebegini adalah berkadar sifar. Walaupun demikian, pengisytiharan barang yang diangkut dari gudang berlesen, kedai bebas cukai atau depot pelepasan pedalaman (DPP) mestilah dibuat dalam borang Kastam No.8.

14. Apabila barang dibekalkan dari KUK ke ZPB untuk disimpan terlebih dahulu dalam ZPB itu sebelum dieksport ke luar negara (bukan eksport terus), CBP adalah terpakai.

BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DARI ZPB

15. Secara amnya, barang yang dibekalkan dari ZPB ke KUK adalah tertakluk kepada CBP bagi pengimportan. Oleh itu, CBP hendaklah kena dibayar bersekali dengan duti kastam, jika ada, bagi semua barang yang dilepaskan ke pasaran tempatan. Walaupun begitu, jika seorang orang berdaftar di KUK mempunyai suatu kelulusan di bawah Skim Pedagang Diluluskan (SPL), pembayaran CBP ke atas



pembekalan barang itu adalah digantung. Pembayaran CBP bagi pembekalan barang dari ZPB ke kawasan ditetapkan atau ke suatu gudang di bawah seksyen 70 Akta CBP 2014 juga digantung.

16. Pengisytiharan barang berduit hendaklah dibuat dengan menggunakan borang Kastam No.1 di ZPB. Duti import, jika ada, dan CBP hendaklah dibayar di pintu keluar-masuk ZPB. Pengisytiharan barang yang dilepaskan dari ZPB ke gudang berlesen atau depot pelepasan pedalaman hendaklah dibuat dalam borang Kastam No.8.

17. Pembekalan perkhidmatan yang disediakan ke KUK dari pembekal perkhidmatan di ZPB adalah pembekalan tempatan. Oleh itu, perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada CBP dan cukai output mestilah diakaunkan dalam invoice cukai jika pembekal perkhidmatan ini adalah orang berdaftar. Layanan CBP yang sama juga diberi bagi perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana orang dalam ZPB ke KUK atau ke suatu gudang di bawah seksyen 70 Akta CBP.

PENYIMPANAN REKOD

18. Setiap operator ZPB hendaklah menyimpan dengan kemaskini semua rekod berkaitan transaksi yang berkaitan dengan tanggungan cukai.

19. Rekod dan dokumen yang mesti disimpan dalam bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

- (a) semua rekod barang dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh atau kepada orang kena cukai termasuk invoice cukai, invoice, resit, nota debit dan kredit dan borang ikrar eksport;
- (b) rekod pengimportan barang;
- (c) rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak;
- (d) rekod perniagaan dan perakaunan lain yang perlu disimpan oleh orang kena cukai;
- (e) lejar, buku tunai dan jurnal dan semua buku akaun yang lain;
- (f) penyata kewangan;

- (g) Bukti dokumentari untuk menyokong pembekalan berkadar sifar (termasuk dokumentasi eksport)
- (h) Butir-butir mana-mana ejen yang bertindak bagi pihak anda dan transaksi melalui ejen;
- (i) Slip deposit bank dan penyata bank;
- (j) Data dalam bentuk elektronik , termasuk cetakan computer;
- (k) Carta perakaunan, kod akses, dokumen program dan manual panduan sistem;
- (l) Perjanjian kontrak/jualan.

20. Rekod-rekod hendaklah diselenggara dan disimpan di premis yang diluluskan dan tersedia pada bila-bila untuk diaudit oleh pegawai kastam. Apa-apa rekod hendaklah disimpan untuk tempoh 7 tahun dari tarikh terakhir di mana rekod tersebut berkaitan.

PEMUSNAHAN BAHAN MENTAH, KOMPONEN, HAMPAS DAN BARANG SIAP

21. Pemusnahan bahan-bahan mentah, komponen-komponen, hampas dan barang-barang siap mestilah diselia oleh pegawai dari pihak berkuasa zon dan pihak berkuasa zon akan mengeluarkan sijil yang ditandatangani pegawainya dan pemilik barang.

22. Barang-barang hampas dan sisa yang mempunyai nilai komersial adalah tertakluk kepada CBP apabila dibekalkan ke KUK oleh orang kena cukai di ZPB.

23. Pemusnahan bahan-bahan mentah, komponen-komponen, hampas dan barang-barang siap yang dibuat di luar kawasan ZPB hendaklah mendapat kelulusan dari pihak berkuasa zon dan Ketua Pengarah dan penyeliaan oleh pegawai kanan kastam dan disaksikan oleh pemilik barang.

MESIN-MESIN UNTUK DIPERBAIKI

24. Mesin-mesin dari syarikat di ZPB yang hendak dihantar ke luar Negara untuk diperbaiki hendaklah mendapat kelulusan pihak berkuasa zon dengan menggunakan



borang ZB. Jika pergerakan mesin untuk pembaikan di luar negara adalah melalui KUK, prosedur transit adalah terpakai. Jika pembaikan dibuat di KUK, suatu jaminan bank hendaklah dikemukakan sebagaimana dikehendaki oleh Ketua Pengarah dan syarat-syarat di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 20XX yang berkaitan adalah terpakai dan mesti dipatuhi.

SOALAN-SOALAN LAZIM

Barang atau perkhidmatan yang dibekalkan dalam ZPB

S1. AB Sdn Bhd adalah peruncit berdaftar di bawah CBP. Syarikat ini beroperasi di zon perdagangan bebas Stulang Laut. Adakah syarikat ini perlu mengenakan CBP ke atas jualannya?

J1. AB Sdn Bhd tidak perlu mengenakan CBP ke atas jualannya. Barang yang dibeli oleh pelanggannya akan tertakluk kepada CBP apabila pelanggan tersebut membawa keluar barang itu dari zon berkenaan.

S2. CD Hotel (orang berdaftar) beroperasi di zon perdagangan bebas Stulang Laut. Hotel itu memperoleh barang dari AB Sdn Bhd (peruncit berdaftar dalam zon itu) untuk penyediaan makanan dan minuman oleh restorannya yang terletak di hotel itu. Apakah layanan CBP bagi penyediaan makanan dan minuman oleh hotel itu?

J2. CD Hotel mestilah mengenakan CBP ke atas penyediaan makanan dan minuman kerana ia adalah pembekalan perkhidmatan dan berkadar standard apabila dibekalkan dalam zon perdagangan bebas yang terletak di luar pelabuhan/lapangan terbang.

S3. XX Sdn Bhd adalah orang berdaftar di bawah CBP. Syarikat ini beroperasi dalam zon perdagangan bebas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Syarikat ini membekalkan produknya kepada YY Trader yang juga beroperasi di zon yang sama. Adakah apa-apa implikasi CBP ke atas pembekalan yang XX Sdn Bhd buat kepada YY Trader?

J3. Pembekalan barang adalah tidak tertakluk kepada CBP.

- S4. GG Sdn Bhd adalah sebuah syarikat yang menyediakan ruang untuk disewa di zon perdagangan bebas yang terletak di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Jika GG Sdn Bhd adalah orang berdaftar CBP, adakah dia perlu mengenakan CBP ke atas ruang yang disewa?**
- J4. GG Sdn Bhd perlu mengenakan CBP ke atas ruang yang disewa yang disediakan kerana ia adalah suatu pembekalan perkhidmatan yang berkadar standard di bawah CBP.
- S5. Sebahagian perkhidmatan yang disediakan oleh operator dalam ZPB yang terletak di pelabuhan /lapangan terbang adalah disumberluarkan (out source) kepada operator lain dalam zon itu. Apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan tersebut?**
- J5. Perkhidmatan yang disediakan dalam ZPB yang terletak di pelabuhan/lapangan terbang adalah berkadar standard. Oleh itu, CBP perlu dikenakan ke atas perkhidmatan berkenaan.

Barang atau perkhidmatan yang dibekalkan di antara ZPB

- S6. Adakah pengangkutan barang dari ZPB ke suatu ZPB yang lain tertakluk kepada CBP?**
- J6. Pengangkutan barang dari suatu ZPB ke suatu ZPB yang lain adalah berkadar standard. Oleh itu, CBP dikenakan bagi pembekalan perkhidmatan itu.
- S7. Lanjutan kepada soalan di S6, apakah dokumen yang perlu saya sediakan bagi pergerakan barang dari suatu ZPB ke suatu ZPB yang lain?**
- J7. Pergerakan barang di antara ZPB tanpa melalui kawasan utama kastam (KUK) mestilah diliputi oleh borang ZB. Borang ZB mestilah juga digunakan apabila barang telah tiba ke destinasi tetapi borang Kastam No.8 mesti digunakan apabila barang diangkut melalui KUK.

Barang atau perkhidmatan yang diimport atau dibekalkan ke ZPB



S8. Saya adalah operator di zon perdagangan bebas di Tanjung Pelepas Johor Bahru. Apakah layanan CBP ke atas barang yang diimport dari luar negara ke zon ini?

J8. Barang yang diimport ke ZPB Tanjung Pelepas untuk aktiviti komersial adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S9. Apakah layanan CBP bagi perkhidmatan yang diimport oleh seseorang berdaftar yang beroperasi di ZPB yang terletak di Rantau Panjang?

J9. CBP dikenakan pada kadar standard bagi perkhidmatan diimport ke ZPB tidak hanya yang terletak di mana-mana pelabuhan/ lapangan terbang bahkan juga yang terletak di luar pelabuhan atau lapangan terbang.

S10. Sebagai seorang operator di ZPB di luar pelabuhan/ lapangan terbang dan berdaftar di bawah CBP, apakah layanan CBP bagi barang yang saya beli dari orang berdaftar di KUK?

J10. Jika anda membeli barang dari orang berdaftar di KUK, barang itu adalah tertakluk kepada CBP. Oleh itu, CBP dikenakan ke atas pembekalan tersebut. Walau bagaimanapun, jika barang itu tertakluk kepada skim penggudangan di mana barang itu dipindahkan dari suatu gudang berlesen, kedai bebas cukai atau depot pelepasan pedalaman, maka CBP adalah digantung.

S11. Bagaimanakah jika saya adalah operator di ZPB yang terletak di Port Klang dan saya membeli barang dari seseorang di KUK untuk dieksport?

J11. Jika anda beroperasi di ZPB di pelabuhan, pembelian barang anda adalah tertakluk kepada CBP berkadar sifar bagi pengeksportan terus, iaitu penerima barang adalah seseorang yang berada di luar negara.

S12. Saya adalah operator di ZPB di Pelabuhan Johor, Pasir Gudang, Johor. Pelanggan saya telah menghantar barang kepada saya untuk prosesan lanjut. Adakah apa-apa liabiliti CBP apabila barang itu dihantar balik kepada pelanggan saya?

J12. Barang yang dihantar kepada mana-mana orang yang beroperasi di ZPB untuk prosesan lanjut adalah tidak tertakluk kepada CBP kerana tidak pemindahan hak milik. Begitu juga bagi barang yang dihantar balik dari zon

selepas diproses. Walau bagaimanapun, CBP perlu dikenakan ke atas upah (perkhidmatan yang disediakan) jika anda adalah orang berdaftar CBP.

S13. Apakah layanan CBP bagi perkhidmatan yang disediakan dari KUK ke ZPB yang terletak di pelabuhan/ lapangan terbang atau di luar pelabuhan/ lapangan terbang?

J13. Perkhidmatan yang disediakan dari KUK ke zon perdagangan bebas adalah berkadar standard tidak kira sama ada zon itu terletak di luar atau di pelabuhan/ lapangan terbang.

Barang atau perkhidmatan yang dibekalkan dari ZPB

S14. Saya adalah operator di ZPB di Pelabuhan Klang. Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang dari syarikat saya kepada seseorang yang berada di KUK?

J14. Semua pembekalan barang yang dibuat oleh seseorang yang beroperasi di ZPB di pelabuhan/ lapangan terbang kepada seseorang di KUK adalah disifatkan sebagai diimportke KUK dan dengan itu tertakluk kepada CBP. Pembayaran CBP mestilah dibuat dalam borang Kastam No.1 di pintu masuk zon. Walaupun demikian, jika pelanggan anda mempunyai kelulusan di bawah SPL, CBP boleh digantung di tempat pengimportan. Layanan yang serupa terpakai kepada apa-apa pembekalan barang yang dibuat oleh seseorang yang beroperasi di ZPB di luar pelabuhan/ lapangan terbang kepada seseorang yang beroperasi di KUK di mana CBP dikenakan pada kadar standard.

S15. Bagaimana pula dengan pembekalan barang yang dibuat dari ZPB ke zon perindustrian bebas (ZIB)? Apakah implikasi CBP ke atas pembekalan itu?

J15. Apa-apa pembekalan barang yang dibuat dari ZPB ke ZIB adalah dikira sebagai jualan tempatan dan ia tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, orang yang beroperasi di ZIB adalah layak untuk memohon SPL. Dalam kes sebegini, CBP ke atas pembekalan barang itu adalah digantung jika orang yang beroperasi di ZIB itu mempunyai kelulusan di bawah SPL.

S16. Apakah layanan CBP ke atas sampel dari ZPB?



J16. Sampel perdagangan dan perindustrian adalah diberi pelepasan CBP di bawah butiran XX Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 20XX. Oleh itu, tiada CBP dikenakan.

S17. Apakah layanan CBP bagi barang yang dieksport dari ZPB?

J17. Barang yang dieksport dari ZPB sama ada zon itu terletak di luar atau di pelabuhan/ lapangan terbang adalah berkadar sifar.

S18. Bagaimana dengan perkhidmatan yang disediakan dari seseorang yang beroperasi di ZPB ke luar negara?

J18. Apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh seseorang yang beroperasi di ZPB yang terletak di luar atau di pelabuhan/ lapangan terbang ke luar negara adalah berkadar sifar.

Tanggungjawab operator zon

S19. Sebagai orang berdaftar CBP yang menjalankan suatu perniagaan di ZPB, adakah saya perlu tahu lebih tentang aspek lain CBP?

J19. Panduan berikut boleh membantu anda:

- (a) Pendaftaran CBP
- (b) Panduan Import
- (c) Panduan Eksport
- (d) Zon Perindustrian Bebas

MAKLUMBALAS DAN KOMEN

25. Apa-apa maklumbalas dan komen amatlah dihargai. Sila emel maklumbalas atau komen anda kepada Puan Teh Kheng Ean (khengean.teh@customs.gov.my) atau Encik Mohammad Sabri Bin Saad (m_sabri.saad@customs.gov.my).

MAKLUMAT LANJUT

26. Maklumat lanjut boleh didapatkan dari:

- (a) Laman sesawang CBP: www.gst.customs.gov.my



(b) Hotline CBP: 03-88822111

(c) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-78067599
- Emel : ccc@customs.gov.my

